

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, May 22, 2019 4:19 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Iftar Jamaie 1440H Eratkan Pelajar UUM Dengan Masyarakat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 MEI 2019 / 17 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Azizi Arif

IFTAR JAMAIE 1440H ERATKAN PELAJAR UUM DENGAN MASYARAKAT



UUM ONLINE: Alor Setar - Mengambil inisiatif untuk meraikan kemeriahan dan kemuliaan di bulan Ramadan ini, Inapan Siswa (INASIS) SME Bank telah menganjurkan Iftar Jamaie 1440H di Dataran Bandar, semalam.

Pengarah program, Siti Sarah Ahmad Suki berkata, program Iftar Jamaie itu bertujuan mengeratkan hubungan dan menggalakkan pelajar UUM khususnya dari INASIS SME Bank untuk mendekati masyarakat bukan sahaja dari sekitar Sintok atau Changlun, malah juga Alor Setar.

Menurutnya, mereka mengambil kesempatan di bulan puasa ini untuk melakukan amal kebajikan atau menyumbang kembali kepada masyarakat dengan menyediakan bubur lambuk dan memberi sumbangan hari raya kepada anak yatim dari Rumah Anak Yatim UUM.

"Ini adalah program yang julung kali diadakan pada bulan Ramadan dan semua pelajar khususnya dari SME Bank sangat teruja dan gembira apabila berpeluang melibatkan diri dengan masyarakat.

"Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan bukan sahaja tertumpu pada bulan mulia ini, sebaliknya pada hari-hari lain agar komuniti setempat dapat merasai manfaat menerusi program yang dianjurkan ini," katanya.

Sementara itu, Pengetua SME Bank, Zahril Anwar Malek Abdol Hamid berkata, beliau berharap program bersama masyarakat seperti itu akan lebih banyak dianjurkan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS), Residential Assistant (RA) dan Ketua Blok INASIS SME Bank.

Menurutnya, beliau sentiasa menyokong segala program yang memberikan manfaat kepada pelajar dan komuniti, malah beliau juga memberi sokongan sepenuhnya ke atas program Iftar Jamaie yang dianjurkan itu kerana ia melibatkan pelajar dan masyarakat setempat.

"Program ini juga menggalakkan pelajar untuk bergaul dan saling mengenali dengan masyarakat sekitar Alor Setar terutamanya di bulan Ramadan ini.

"Selain itu, mereka dapat menyumbang kembali kepada komuniti, universiti serta membantu mempromosikan UUM kepada orang awam," katanya.

Iftar Jamaie 1440H turut mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) dan pengurusan Masjid Zahir yang mana pelajar dan juga staf Masjid Zahir bergotong-royong membersihkan kawasan masjid dan menyediakan bubur lambuk untuk diedarkan kepada 200 penerima di kawasan sekitar, diikuti penyerahan sumbangan raya kepada anak-anak yatim dan tazkirah Ramadan.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar, Agama dan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri, Dato' Dr. Ismail Salleh dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali yang mewakili Naib Canselor.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.